

Pesakit berisiko tinggi diberi keutamaan guna Paxlovid

Kuala Lumpur: Keutamaan ubat antiviral Paxlovid dalam rawatan jangkitan COVID-19 akan diberikan kepada pesakit warga emas, pesakit memiliki pelbagai komorbid dan masalah sistem imun.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, berkata selain itu, pesakit yang diberikan skor tiga dan ke atas juga akan diberikan keutamaan untuk rawatan menggunakan ubat antiviral berkenaan.

Jelasnya, ubat antiviral berkenaan perlu dimulakan dalam tempoh lima hari bergejala bagi mencapai keberkesanan yang optimum.

"Sebanyak 104,000 ubat antiviral untuk *patient course*, iaitu cukup untuk 104,000 pesakit. Bukan semua kena dapat. Yang memenuhi kriteria akan dapat.

Justeru, kita akan ada perbincangan dengan pihak Pfizer dari segi perolehan (ubat antiviral Paxlovid) membabitkan 100,000 lagi ubat untuk perolehan kedua," katanya pada sidang media di Parlimen, semalam.

Jumlah kuantiti keseluruhan Paxlovid yang diperoleh oleh KKM adalah sebanyak 104,700 kotak, dengan setiap pesakit memerlukan satu kotak.

Paxlovid yang diluluskan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) pada 3 Mac lalu meluluskan pendaftaran secara bersyarat sebagai ubat antiviral bagi rawatan COVID-19, yang mengandungi dua bahan aktif.

Bahan aktif itu ialah PF07321332/Nirmatrelvir dan Ritonavir dalam sediaan dua tablet yang berbeza. Ia bertindak untuk mengurangkan kemampuan replikasi SARS-Cov-2 seterusnya membolehkan sistem pertahanan badan untuk melawan jangkitan.

Mengulas lanjut mengenai kegunaan ubat antiviral itu dalam rawatan COVID-19, Khairy berkata, selain golongan berisiko tinggi dan pesakit COVID-19 dalam tahap dua dan tiga, ia boleh diberikan kepada individu berumur 18 tahun ke atas termasuk tidak memerlukan terapi oksigen.

Katanya, kegunaan ubat itu hanya ditawarkan di fasiliti kesihatan kerajaan iaitu di Pusat Penilaian COVID-19 (CAC) dan hospital kerajaan.

"Pesakit COVID-19 yang hadir ke CAC dan hospital kerajaan akan disaring dan dinilai pegawai perubatan berdasarkan jumlah skor bagi kriteria yang telah ditetapkan sebelum dimulakan dengan rawatan ubat Paxlovid.

"Pesakit yang menerima ubat ini perlu memastikan pengambil ubat mengikut dos yang disarankan sebanyak dua kali sehari bagi tempoh lima hari," katanya.

Penularan COVID-19

KKM mula beri suntikan dos penggalak kedua

Kelompok penerima pertama untuk golongan warga emas, pengembara

Oleh Luqman Arif Abdul Karim
luqman.arif@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) akan mula memberikan suntikan dos penggalak yang kedua kepada segelintir kelompok individu sebagai kumpulan penerima pertama, berlandaskan syarat tertentu.

Antara kelompok penerima pertama itu merangkumi golongan warga emas yang mempunyai komorbiditi atau sihat tubuh badan, selain pengembara ke luar negara.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, ketika mengumumkan perkara itu berkata pengambil suntikan imunisasi dos keempat bagi golongan berkenaan adalah atas dasar sukarela.

"Dos penggalak kedua boleh diambil oleh individu berumur 60 tahun dan ke atas, dengan komorbiditi berisiko tinggi dan individu yang mempunyai sistem pertahanan badan berkadar teruk atau sederhana, berumur 12 tahun dan ke atas.

"Syor ini juga termasuk golongan warga emas yang berada di bawah fasiliti penjagaan jangka panjang.

"Bagi individu yang berumur 60 tahun dan ke atas yang sihat

dan tidak mempunyai komorbiditi berisiko tinggi, mereka perlu berbincang dengan pengamal perubatan bagi mengesyorkan pengambilan dos penggalak kedua berdasarkan pertimbangan mereka.

"Keputusan ini dibuat selepas Panel Kumpulan Kerja Teknikal (TWG) meneliti kajian-kajian saintifik serta kajian kohort Malaysia yang menunjukkan bahawa individu berumur 60 tahun dan ke atas dengan komorbiditi seperti penyakit paru-paru, penyakit jantung, penyakit buah pinggang, penyakit hati dan diabetes berisiko lebih tinggi untuk mendapat gejala serius serta kematian berikutan COVID-19," katanya pada sidang media, semalam.

Berdasarkan semakan inventori semasa, Khairy berkata KKM mempunyai bekalan sedia ada vaksin jenis Pfizer sebanyak 5.7

juta dos, bagi menampung keperluan suntikan dos penggalak.

Sehubungan itu, katanya, warga emas yang mempunyai komorbiditi berisiko tinggi boleh diberikan dos penggalak kedua, dengan sela masa sekurang-kurangnya empat hingga enam bulan selepas tarikh dos penggalak pertama.

Bagi individu berusia 12 tahun dan mempunyai sistem pertahanan badan yang lemah, jelasnya, golongan berkenaan boleh mendapatkan suntikan dos penggalak kedua, dengan sela masa sekurang-kurangnya

28 hari selepas tarikh dos kedua (lengkap suntikan primer). "Buat masa ini, vaksin mRNA Comirnaty (Pfizer-BioNTech) adalah vaksin yang disyorkan bagi dos penggalak kedua berdasarkan data saintifik.

"Individu berumur 60 tahun dan ke atas yang lengkap mengambil dos penggalak serta di-

dapati mengalami jangkitan COVID-19, mereka layak menerima dos penggalak kedua dalam tempoh tiga bulan selepas mereka pulih sepenuhnya.

"Bagaimanapun, pelaksanaan syor terbaharu ini tidak akan menjejaskan status vaksinasi lengkap individu berisiko tinggi yang tidak mengambil dos penggalak kedua.

"KKM sedang mengemas kini Garis Panduan Klinikal yang akan memperincikan pelaksanaan pemberian dos penggalak kedua," katanya.

Selring perkembangan semasa dan pembukaan sempadan, Khairy berkata pihaknya menerima permohonan dalam kalangan individu yang ingin ke luar negara untuk mendapatkan dos penggalak kedua, bagi memenuhi keperluan berkaitan.

Sebagai contoh, katanya, sesetengah negara di benua Eropah yang tidak mengiktiraf vaksin Sinovac dan Sinopharm sebagai dos primer serta dos penggalak, menggariskan syarat pengambilan vaksin primer jenis mRNA.



Khairy Jamaluddin

Keperluan daftar masuk MySejahtera dimaklumkan masa terdekat

Kuala Lumpur: Keputusan sama ada untuk memansuhkan keperluan daftar masuk menggunakan aplikasi MySejahtera akan dimaklumkan dalam tempoh satu hingga dua minggu lagi.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, berkata perkembangan semasa fasa peralihan ke endemik di Malaysia menyaksikan pola jangkitan COVID-19 masih berada dalam keadaan terkawal.

Sehubungan itu, katanya, prestasi sedemiki-

an bakal menjadi sandaran oleh Kementerian Kesihatan (KKM) untuk meneliti kemungkinan memansuhkan pengesanan kontak secara mikro menerusi aplikasi MySejahtera.

"Kita sudah melepasi kemuncak gelombang Omicron, justeru KKM memantau dari segi pola jangkitan semasa dalam membuat keputusan sama ada ingin teruskan keperluan mengimbas kod daftar masuk menggunakan MySejahtera," katanya pada sidang media, semalam.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 24

RUANGAN : NASIONAL

93 kes keracunan makanan akibat juadah bazar Ramadan di Terengganu

Kuala Terengganu: Sebanyak 93 kes keracunan makanan direkodkan di negeri ini sejak hari pertama puasa pada 3 April lalu, berpunca daripada juadah berbuka yang dibeli di bazar Ramadan serta peniaga tepi jalan.

Pengarah Kesihatan Terengganu, Datuk Dr Kasemani Embong, berkata hanya dua mangsa daripada keseluruhan kes dimasukkan ke hospital untuk mendapatkan rawatan.

"Sampel makanan dikaitkan dengan kes dihantar untuk analisis oleh Makmal Keselamatan dan Kualiti Makanan Bukit Tunggal," katanya kepada media selepas melakukan pemeriksaan Keselamatan dan Kualiti Makanan di Bazar Ramadan Batu Burok, di sini petang kelmarin.

Difahamkan, dua mangsa keracunan makanan dimasukkan ke Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ) adalah Muhammad Aqil Rifqi Mohd Rusnizam, 9, dan adiknya, Nur Azzahra Raisha, 7, dari Kampung Bukit Tok Beng, Kuala Nerus.

Dua beradik itu dikatakan mengalami cirit-birit dan muntah dipercayai makan puding buih dibeli ibu, Tuan Naemah Tuan Husain, 37, di gerai kuih berhampiran padang bola Kampung Bukit Tumbuh, Rabu lalu.

Sementara itu, Dr Kasemani berkata, JKNT mengeluarkan 222 notis mengikut Peraturan Kebersihan Makanan 2009 atas pelbagai kesalahan hasil pemeriksaan ke atas 4,938 petak niaga dibuka di bazar Ramadan seluruh negeri dalam

tempoh sama.

Katanya, kesalahan paling banyak dilakukan peniaga dan pengendali makanan adalah tidak menghadiri kursus asas pengendali makanan dan gagal mematuhi etika berpakaian dengan kemas dan lengkap.

"Etika berpakaian kemas dan lengkap, termasuk pemakaian apron, penutup kepala serta berkasut. Sebanyak 114 notis dikeluarkan kerana gagal menghadiri kursus pengendali makanan dan tidak mematuhi etika berpakaian dengan nilai kompaun RM14,400.

"Kesalahan lain, menggajikan pekerja yang tidak mendapatkan suntikan pelalian antitifoid dengan 14 kes dan nilai kompaun RM2,800, gagal menyediakan rekod latihan dan suntikan pelalian pekerja dengan 29 kes dan nilai kompaun RM2,900," katanya.

Selain itu, 12 kes tiada pelalian antitifoid dengan nilai kompaun RM2,400 dan 23 kes tidak menjaga kebersihan diri, terutama kuku panjang dan memakai cincin dan gelang emas ketika mengendalikan makanan dengan nilai kompaun RM2,300.

Katanya, bagi memastikan makanan dijual mematuhi standard ditetapkan di bawah Peraturan Makanan 1985, sebanyak 79 sampel makanan diambil untuk analisis.

"Peniaga dan pengendali makanan yang melakukan kesalahan menjual makanan yang boleh memudaratkan kesihatan orang ramai boleh dikenakan denda sehingga RM100,000," katanya.



Dr Kasemani Embong

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : COVID-19

Kuala Lumpur

Orang ramai yang berterusan mempunyai simptom demam denggi seperti demam berterusan, cirit birit dan sakit badan walaupun diuji negatif Covid-19, dinasihatkan untuk menjalani ujian demam itu di fasiliti perubatan, kata Presiden Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) Dr Koh Kar Chai.

Beliau berkata bahaya demam denggi masih ada dan relevan, tetapi orang ramai kini lebih suka tidak mengendakkannya kerana mereka lebih berjaga-jaga terhadap Covid-19 berbanding dengan penyakit lain selepas hidup dalam pandemik itu selama lebih dua tahun.

"Dinasihatkan untuk berjumpa doktor untuk ujian denggi, jika demam berterusan dan rasa tidak sihat kerana pada ketika ini tidak seperti Covid-19 tiada kit ujian diri tersedia untuk denggi.

"Orang ramai lebih risaukan mengenai Covid-19 dan sering terlupa mengenai denggi ketika pandemik ini. Bagaimanapun denggi masih ada dan ia satu ancaman penyakit yang kita perlu perhatikan," katanya.

Dr Koh menambah bahawa sesiapa sahaja tanpa mengira umur boleh menghidap penyakit yang serius akibat denggi atau Covid-19 dan kedua-dua jangkitan lebih berkemungkinan menyebabkan komplikasi kronik pada orang dewasa seperti diabetes dan penyakit jantung, selain kanak-kanak kecil.

Beliau menjelaskan, keadaan pesakit akan menjadi lebih teruk jika mereka dijangkiti Covid-19 dan denggi

SEORANG petugas perubatan menyediakan vaksin Covid-19 di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Offsite Tapak Ekspo Seberang Jaya.



Usah leka ancaman denggi

Individu demam berterusan, cirit-birit dinasihati menjalani ujian di fasiliti kesihatan

kerana ia melemahkan sistem imun, dan pesakit lebih terdedah untuk berada dalam keadaan kritikal.

Bagaimanapun beliau berkata, kebanyakan kes denggi mungkin tidak memerlukan pesakit dimasukkan ke hospital dan boleh diuruskan di rumah, walaupun pesakit dikehendaki

untuk bertemu dengan doktor untuk pemeriksaan darah bagi memantau kiraan darah mereka setiap hari.

Beliau berkata, kebanyakan pesakit akan berasa lebih sihat dalam masa kira-kira seminggu selepas mengambil ubat sokongan dan penjagaan yang betul seperti yang diarahkan oleh

doktor.

"Sekiranya mereka disahkan positif denggi di pusat perubatan, pesakit akan dinasihatkan oleh doktor jika mereka boleh dirawat di rumah atau memerlukan pemantauan lanjut di hospital, dan menggalakkan mereka minum banyak air dan cecair elektrolit untuk kekal terhidrat.

"Doktor juga akan menasihatkan pesakit supaya berhati-hati terhadap sebarang tanda bahaya denggi seperti kerap muntah dan/atau cirit-birit, sakit perut, mengantuk atau meragam, kesukaran bernafas, bintik merah atau tompok pada kulit, pendarahan dari hidung atau gusi, muntah darah, najis berwarna hitam, atau haid yang banyak.

"Sekiranya penjaga atau pesakit sendiri menyedari mana-mana tanda ini, sila pergi ke hospital atau bahagian kecemasan terdekat dengan segera," kata Dr Koh.

38.7% kanak-kanak sudah terima vaksin

Kuala Lumpur: Seramai 1,374,520 kanak-kanak berumur antara lima dan 11 tahun atau 38.7 peratus daripada populasi itu sudah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin Covid-19 menerusi Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Kanak-Kanak (PICKIDS), setakat kelmarin.

Berdasarkan laman web COVIDNOW, seramai 229,615 kanak-kanak dalam kumpulan sama atau 6.5 peratus sudah lengkap divaksinasi.

Bagi remaja berumur antara 12 dan 17 tahun, seramai 2,865,407 individu atau 92.1 peratus sudah lengkap divaksinasi manakala 2,967,575 atau 95.4 peratus menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Untuk populasi dewasa, seramai 15,950,899 individu

atau 67.8 peratus menerima dos penggalak manakala 22,959,339 atau 97.6 peratus melengkapkan dos kedua, selain 23,236,086 atau 98.8 peratus telah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Kelmarin, sebanyak 47,622 dos vaksin diberikan, melibatkan 34,384 dos kedua, 7,639 dos penggalak dan 5,599 dos pertama, menjadikan jumlah kumulatif dos vaksin yang diberikan di bawah Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (Pick) sebanyak 69,370,702.

Sementara itu, menurut portal GitHub Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), sejumlah 22 kematian akibat Covid-19 dilaporkan kelmarin, dengan Selangor mencatat jumlah tertinggi iaitu tujuh kes diikuti Melaka dan Perak, masing-masing merekodkan tiga kes.

Kes sembuh lagi tinggi berbanding kes baharu

Kuala Lumpur: Sebanyak 15,893 kes sembuh daripada jangkitan Covid-19 dilaporkan kelmarin, lebih tinggi berbanding kes baharu iaitu 10,052 kes, kata Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Beliau berkata, daripada jumlah kes baharu dilaporkan itu, 10,031 adalah kes tempatan dengan 95.8 peratus warganegara dan 4.2

peratus bukan warganegara, manakala 21 kes import terdiri daripada 85.7 peratus warganegara dan 14.3 peratus bukan warganegara.

"Sebanyak 426 kes Covid-19 dimasukkan ke hospital semalam (kelmarin) dengan 182 kes atau 42.7 peratus adalah kategori tiga, empat dan lima manakala selebihnya 244 kes atau 57.3 peratus adalah kategori satu

dan dua," katanya.

Beliau berkata, pesakit Covid-19 yang memerlukan alat bantuan pernafasan pula menurun kepada 97 pesakit kelmarin dengan peratusan penggunaan ventilator adalah 11 peratus.

Mengenai fasiliti kesihatan khusus Covid-19, katanya, Putrajaya dan Selangor mencatat penggunaan katil Unit Rawatan Rapi (ICU)

melebihi 50 peratus iaitu 67 peratus di Putrajaya dan 51 peratus di Selangor, dan hanya Putrajaya merekodkan penggunaan katil bukan ICU 53 peratus.

Bagi pengisian katil di Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah (FKRC), hanya Perak mencatat peratusan pengisian melebihi 50 peratus iaitu 59 peratus di negeri itu.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 16

RUANGAN : LOKAL

Gumpalan rambut dalam kuih

Ipoh: Sampel kuih limas yang tular dalam media sosial kerana penemuan gumpalan rambut di dalamnya yang didakwa dibeli di sebuah bazar Ramadan di Perak diserahkan kepada pegawai penyiasat Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Hilir Perak untuk siasatan lanjut.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Sains, Alam Sekitar dan Teknologi negeri Mohd Akmal Kamarudin berkata hasil semakan terhadap perkongsian aduan makanan tercemar yang dikongsi oleh pengadu pada 9.39 malam kelmarin

mendapati lokasi kejadian adalah di Bazar Ramadan Teluk Intan.

"Berdasarkan risikan yang dijalankan, pengadu sudah dikesan dan diminta untuk tampil ke PKD Hilir Perak untuk membuat aduan secara rasmi.

"Bapa pengadu iaitu individu yang membeli makanan yang tercemar tersebut hadir ke PKD untuk membuat aduan secara rasmi dan makanan yang diadukan masih disimpan telah diserahkan kepada pihak pegawai penyiasat," katanya dalam satu kenyataan di sini.

Beliau mengulas gambar tular dengan kapsyen antara lain menyebut 'Sehelai rambut boleh dimaafkan, tetapi ini segumpal rambut. Peniaga yang menyediakan juadah perlu memastikan kebersihan' sambil dilampirkan gambar kuih dan gumpalan rambut tersebut.

Mohd Akmal berkata, siasatan akan dijalankan di tempat kejadian dan lokasi makanan disediakan menerusi Operasi Khas Kuih Limas dan disiasat menggunakan Akta Pencegahan Penyakit Berjangkit (Akta 342) dan Akta Makanan 1983 (Akta 281).

Kuala Terengganu: Sebanyak empat episod keracunan makanan membabitkan 93 kes dilaporkan berlaku sejak bermulanya Ramadan, Ahad lalu.

Pengarah Kesihatan Terengganu Datuk Dr Kasemani Embong berkata, hanya dua mangsa dimasukkan ke hospital untuk mendapatkan rawatan.

Bagaimanapun, katanya, tiada kes membabitkan kematian dilaporkan berlaku disebabkan keracunan makanan.

"Semua sampel makanan yang dikaitkan dengan kes keracunan dihantar untuk dianalisis Makmal Keselamatan dan Kualiti Makanan Bukit Tunggal," katanya ke-

93 kes keracunan makanan dicatatkan di Terengganu

pada media selepas melakukan pemantauan Keselamatan dan Kualiti Makanan di Bazar Ramadan Batu Buruk di sini, kelmarin.

Hadir sama, Timbalan Pengarah Kesihatan (Keselamatan dan Kualiti Makanan) Che Ghani Sidek dan Pegawai Kesihatan Daerah Kuala Terengganu Dr Fatimah Muda.

Difahamkan, dua mangsa keracunan makanan yang dimasukkan ke wad untuk rawatan di Hospital

Sultanah Nur Zahirah (HSNZ) adalah dua beradik iaitu Muhammad Aqil Rifqi Mohd Rusnizam, 9, Nur Azzahra Raisha, 7, dari Kampung Bukit Tok Beng, Kuala Nerus.

Dua beradik itu dikatakan mengalami cirit-birit dan muntah dipercayai makan puding buih dibeli ibunya, Tuan Naemah Tuan Husain, 37, di gerai menjual kuih berhampiran Padang Bola Kampung Bukit Tumbuh, Rabu minggu lalu.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

Isu MySejahtera: Lebih ramai saksi akan dipanggil

SHAH ALAM - Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) akan memanggil tiga agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri bagi memberikan keterangan berhubung isu pembangunan dan perolehan aplikasi MySejahtera pada 21 April ini.

Pengerusinya, Wong Kah Woh dalam satu kenyataan berkata, agensi tersebut ialah Majlis Keselamatan Negara (MKN), Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (Mampu) serta Agensi Keselamatan Siber Negara (Nacsa).

"PAC berpendapat bahawa perlu memanggil lagi saksi lain bagi memberikan keterangan lanjut bagi prosiding ini," katanya pada Khamis.

Pada sebelah pagi, beliau memaklumkan Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz dan Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin bagi memberikan keterangan dan penjelasan dalam prosiding Pembangunan dan Perolehan MySejahtera.

Prosiding tersebut berlangsung selama tiga jam bermula 10 pagi.

Menurutnya, fokus PAC ialah berkaitan pemberian kontrak pembangunan aplikasi MySejahtera kepada syarikat KPI Soft Sdn Bhd pada April 2020.

"Fokus kita juga berkaitan prosiding membabitkan pemberian kontrak secara rundingan terus kepada syarikat MySJ Sdn Bhd oleh kerajaan pada November 2021 serta status rundingan kerajaan dengan syarikat berkenaan.

"Pemilikan aplikasi MySejahtera termasuk modul aplikasi, 'source code' aplikasi, harta intelek dan pangkalan data dan komitmen kerajaan untuk melindungi data-data peribadi rakyat dalam aplikasi MySejahtera," katanya.

Kerajaan tidak pernah sewenang-wenangnya kongsi apa jua maklumat dan data dengan mana-mana pihak

Oleh **TASNIM LOKMAN** dan
ATHIRA AMINUDDIN

SHAH ALAM

Pencerobohan data dan ancaman ke atas sekuriti siber adalah satu isu yang sedia ada pada hari ini tetapi kerajaan sama sekali tidak memandang ringan mengenainya.

Ketua Pengarah Majlis Keselamatan Negara (MKN) Datuk Rodzi Md Saad menegaskan, kerajaan sentiasa mengambil satu langkah ke hadapan untuk memastikan semua data kebangsaan seperti yang dikumpul menerusi aplikasi MySejahtera di bawah perlindungan yang ketat.

Beliau menambah, pihak kerajaan juga sentiasa dari semasa ke semasa menaik taraf sistem sekuriti negara untuk memastikan ia tidak mudah diceroboh dan menjadi mangsa kepada ancaman pencerobohan pada masa akan datang.

"Situasi sekuriti siber memang menuntut kita untuk memperkukuhkan keupayaan dan daya tahan kita. Memang saya akui, ancaman itu tetap wujud tetapi kita tidak memandang ringan mengenainya.

"Pada setiap masa adalah menjadi tanggungjawab kita untuk bukan sahaja melindungi malah memastikan semua data dan informasi yang kita simpan adalah selamat dan terpelihara.

"Malah kita tidak pernah sewenang-wenangnya berkongsi apa jua maklumat dan data di dalam simpanan kita dengan mana-mana pihak," ujarnya dalam wawancara eksklusif dengan portal berita bahasa Inggeris Sinar iaitu *Sinar Daily*.

Menurut beliau, informasi yang dikongsi secara umum hanyalah jumlah kes

Data kebangsaan dilindungi ketat



Aplikasi MySejahtera menjadi percakapan ramai apabila timbul isu kononnya kerajaan berhasrat menyerahkannya kepada pihak swasta.

positif Covid-19 dan pesakit.

Tambah Rodzi, data dalam simpanan MKN diurus dan dikendalikan oleh pasukan yang berwajib dan cekap malah sehingga kini tiada data di bawah MySejahtera yang bocor atau terlepas ke tangan pihak luar.

Rodzi memberi jaminan, masyarakat umum tidak perlu khuatir tentang isu kebocoran maklumat atau data di bawah pengurusan MySejahtera ini.

"Semua keputusan kerajaan berhubung MySejahtera tidak dibuat oleh satu pihak tetapi melibatkan pelbagai agensi dan jawatankuasa.

"Maka dakwaan akan kebimbangan yang data dan maklumat ini terlepas ke tangan orang lain adalah tidak benar sama sekali kerana kerajaan dalam membuat apa jua keputusan telah mengambil kira pandangan semua pihak yang terlibat," ujarnya.

Aplikasi MySejahtera, yang dilancarkan pada awal 2020 untuk tujuan mengesan kontak dan mengumpul data sewaktu pandemik Covid-19, menjadi tumpuan dan percakapan ramai apabila timbul isu yang mengatakan kerajaan berhasrat menyerahkannya kepada pihak swasta.



RODZI



Adalah difahamkan terdapat 38 juta pengguna MySejahtera buat masa ini di dalam dan di luar negara yang mana informasi peribadi seperti nombor telefon bimbit, kad pengenalan dan alamat kediaman disimpan.

Ini termasuk data mengenai lokasi daftar masuk pengguna, status risiko kesihatan serta soal jawab berkaitan penilaian Covid-19.

Semua informasi sulit ini telah mencetuskan keresahan dalam kalangan masyarakat apabila timbul isu yang mengatakan aplikasi MySejahtera ini akan di-

swastakan.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar telah memberi jaminan berulang kali bahawa data yang terkumpul di bawah aplikasi MySejahtera adalah milik kerajaan dan tidak akan terlepas ke tangan pihak ketiga.

Beliau mengulangi jaminan ini ketika sesi soal-jawab di Dewan Negara, pada 7 April lalu.

Menurut beliau, KPIsoft (M) Sdn Bhd (kini dikenali dengan nama Entomo (M) Sdn Bhd) telah menandatangani perjanjian dengan MKN pada 1 April 2020 berhubung pengendalian aplikasi MySejahtera.

Antara lain ia menyatakan, hak milik kesemua data dan informasi yang diperolehi menerusi aplikasi MySejahtera kekal di bawah kerajaan dan rahsia serta sekuriti-nya adalah dijamin.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

Dos penggalak kedua buat warga emas komorbid

Khairy memaklumkan dos penggalak kedua ini adalah pilihan dan tidak diwajibkan

Oleh TUAN BUQHAIKHAIRAH
TUAN MUHAMMAD ADNAN

KUALA LUMPUR

Warga emas yang mempunyai komorbid berisiko tinggi ditawarkan untuk mendapatkan dos penggalak kedua.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, dos penggalak kedua itu boleh diberikan dengan selang masa sekurang-kurangnya empat hingga enam bulan selepas tarikh dos penggalak pertama.

"Keputusan ini dibuat selepas Panel Kumpulan Kerja Teknikal (TWG) meneliti kajian-kajian saintifik serta kajian kohort Malaysia yang menunjukkan bahawa individu berumur 60 tahun dan ke atas dengan komorbiditi seperti penyakit paru-paru, penyakit jantung, penyakit buah pinggang, penyakit hati dan diabetes berisiko lebih tinggi untuk mendapat gejala serius serta kematian dalam Covid-19," katanya pada sidang akhbar di sini pada Khamis.

Menurutnya, TWG turut memberi saranan terhadap individu *moderate or severe immunocompromised* berumur 12 tahun ke atas.

"Mereka boleh diberikan dos penggalak dengan selang masa sekurang-kurangnya 28 hari selepas tarikh dos kedua," katanya.

Beliau berkata, individu berumur 60 tahun ke atas yang telah lengkap mengambil dos penggalak dan didapati mengalami jangkitan Covid-19 layak menerima dos penggalak kedua tiga bulan selepas me-



Khairy (kanan) pada sidang akhbar di Parlimen pada Khamis.

reka pulih sepenuhnya.

"Dos penggalak kedua ini adalah pilihan dan tidak diwajibkan," katanya.

Khairy berkata, syor tersebut juga termasuk golongan warga emas yang berada di bawah fasiliti penjagaan jangka panjang.

"Bagi individu yang berumur 60 tahun ke atas yang sihat dan tidak mempunyai komorbiditi berisiko tinggi, mereka perlu berbincang dengan pengamal perubatan bagi mengesyorkan pengambilan dos penggalak kedua berdasarkan pertimbangan," katanya.

Ujarnya, buat masa ini vaksin mRNA Comirnaty keluaran Pfizer-BioNTech adalah yang disyorkan bagi dos penggalak kedua berdasarkan data saintifik tersedia.

Katanya, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) juga menerima permohonan individu yang ingin ke luar negara bagi memperoleh dos penggalak kedua untuk memenuhi keperluan sesebuah negara.

"Sebagai contoh, terdapat se-setengah negara di benua Eropah yang tidak mengiktiraf vaksin Sinovac dan Sinopharm sebagai dos primer dan dos penggalak.

Justeru, individu yang ingin ke negara tersebut boleh diberi dos peng-

galak kedua selepas selang masa sekurang-kurangnya satu bulan daripada dos penggalak pertama bagi memenuhi keperluan itu," katanya.

Dalam pada itu, Khairy berkata, KKM sedang mengagihkan 104,700 kotak ubat antiviral, Paxlovid ke fasiliti kesihatan kerajaan.

"Setakat ini, penghantaran telah dilakukan ke 14 buah hospital di setiap negeri kecuali Sabah dan Sarawak ke stor logistik farmasi negeri masing-masing," katanya.

Menurutnya, penghantaran ke Sabah dan Sarawak akan dilakukan pada Jumaat.

"Semua penghantaran ini melibatkan 481 Pusat Penilaian Covid-19 (CAC) klinik kesihatan dan 15 buah hospital kerajaan," katanya.

Pesakit Covid-19 yang hadir ke CAC atau hospital kerajaan akan disaring dan oleh Pegawai Perubatan berdasarkan jumlah skor bagi kriteria yang telah ditetapkan sebelum dimulakan dengan rawatan ubat Paxlovid.

Pesakit yang diberikan skor tiga dan ke atas diberikan keutamaan untuk rawatan antiviral.

"Keutamaan kepada pesakit warga emas, pesakit dengan pelbagai komorbid dan *immunocompromised*," katanya.

KKM kaji kes jangkitan semula Covid-19 dalam tempoh 20 hari

KUALA LUMPUR - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedang mengkaji kes jangkitan semula Covid-19 dalam tempoh 20 hari selepas jangkitan pertama terutamanya golongan muda.

Menterinya, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, jangkitan semula itu dikesan menjadi trend di Denmark dan United Kingdom serta Amerika Syarikat (AS) pada masa ini.

"Memang ada kes seperti ini dan pegawai saya pun (turut dijangkiti semula) dan kita sedang meneliti sama ada perkara ini dapat dicegah," katanya.

Menurutnya, setakat ini tiada vaksin yang mampu mencegah jangkitan semula Covid-19.

"Tetapi kebanyakan mereka yang dijangkiti semula dalam tempoh tersebut hanya mengalami gejala sederhana dan perlu isolasi," katanya pada sidang akhbar di Parlimen pada Khamis.

Beliau berkata demikian mengulas mengenai trend jangkitan semula dalam tempoh singkat selepas jangkitan pertama yang sedang berlaku di negara ini.

Pada perkembangan sama, Khairy berkata, individu yang menjadi kontak rapat tanpa mengira status vaksinasi dan tiada gejala tidak perlu menjalani Perintah Pengawasan dan Pemantauan (HSO) berkuat kuasa 22 April ini.

Katanya, dalam tempoh lima hari dari hari terakhir pendedahan kepada kes positif Covid-19, kontak rapat tersebut hendaklah sentiasa memakai pelitup muka apabila keluar dari rumah, elakkan berada di tempat sesak dan melawat kumpulan berisiko tinggi.

"Pastikan pengudaraan yang baik dan hanya membuat perjalanan penting sahaja," katanya.

Bagi kontak rapat ber-gejala pula, beliau berkata, individu tersebut dinasihatkan untuk melakukan kuarantin sendiri dan digalakkan menjalani ujian RTK-Ag sendiri pada hari gejala bermula (onset) dan pada hari ketiga.

Dalam pada itu, Khairy berkata, fungsi daftar ma-



suk di aplikasi MySejahtera masih relevan dalam membantu KKM mencegah penularan Covid-19.

Katanya, semasa kemuncak jangkitan varian Omicron baru-baru ini, sebanyak 45 peratus kontak kasual didapati positif Covid-19.

